



## **POLISI ANTI RASUAH**

TPM Technopark Sdn Bhd komited bagi memastikan integriti, keterbukaan, dan tanggungjawab dalam pengurusan operasi dan bisnes. TPM Technopark Sdn Bhd juga mempunyai misi untuk menjalankan hal ehwalnya secara beretika dan telus melalui Polisi Anti Rasuah kepada semua anggota pekerja TPM Technopark Sdn Bhd dan anak syarikat serta aktiviti-aktiviti organisasi dan perhubungannya dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah dan salahguna kuasa dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.

1. Polisi ini bertepatan dan selaras dengan peruntukan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain perundangan atau standard yang berkaitan dengan aktiviti syarikat.
2. Terpakai kepada semua anggota pekerja TPM Technopark Sdn Bhd, anak syarikat dan pihak yang berkepentingan dalam semua urusan syarikat dan digunakan sebagai kerangka kerja dalam penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif Anti Rasuah.
3. Ahli-ahli syarikat dan pihak pengurusan TPM Technopark Sdn Bhd komited untuk melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah sebarang bentuk rasuah dan salahguna kuasa serta melaksanakan penambahbaikan yang berterusan.
4. Melalui Polisi Whistleblowing, TPM Technopark Sdn Bhd sentiasa memberi ruang kepada anggota pekerja dan pihak-pihak berkepentingan untuk mendedahkan dan melaporkan sebarang salah laku rasuah dan salahguna kuasa.
5. Unit Intergriti ditubuhkan untuk memantau dan memastikan Sistem Pengurusan Anti Rasuah dilaksanakan seterusnya melaporkan kepada Ahli-ahli TPM Technopark Sdn Bhd dan Pihak Pengurusan Atasan untuk tujuan penambahbaikan.
6. Tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas mana-mana anggota pekerja TPM Technopark Sdn Bhd dan anak syarikat yang gagal mematuhi Polisi Anti Rasuah ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "MOHAMAD SALLEH BIN MOHAMAD YUSOF".

MOHAMAD SALLEH BIN MOHAMAD YUSOF  
Pengarah Urusan

**1 JUN 2020**